

TARIKH	20 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SIASAT ADUAN PENJAWAT AWAM RASUAH IKUT UNDANG-UNDANG		
M/S	3 (NASIONAL)	KATA KUNCI	COMPLAINT, INVESTIGATION,
BIDANG	CIVIL SERVICE		CORRUPTION

BH Jumaat, 20 Februari 2026

Nasional

Siasat aduan penjawat awam rasuah ikut undang-undang

Anwar mahu siasatan teliti, bukan didorong sentimen politik dan persepsi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Siasatan dan tindakan yang diambil terhadap aduan membabitkan penjawat awam, termasuk dakwaan berkaitan rasuah perlu dijalankan dengan teliti serta tidak tergopoh-gapah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, siasatan dijalankan juga tidak boleh didorongi sentimen politik dan persepsi, sebaliknya harus mengikut peraturan undang-undang.

"Tetapi bagi saya, saya tidak fikir saudara akan bekerja kalau seorang Perdana Menteri itu terus hukum. Belum siasat, mesti hukum dulu. Saya tidak pilih jalur itu.

"Siasat, kalau perlu tindakan, kita ambil tindakan. Kalau perlu hukuman, kita ikut hukuman. Tapi, jangan kita gopoh.

"Kerana kebetulan orang itu kita tidak senangi atau bukan daripada kelompok kita ataupun kita berdendam kerana orang itu telah mengambil tindakan kepada kelompok yang dikaitkan dengan kita. Kita harus beringat begitu," katanya pada perjumpaan bersama warga Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ihya' Ramadan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anu-



Anwar pada perjumpaan bersama warga KDN dan Ihya' Ramadan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ar Nasarah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Ikut proses perundangan

Perdana Menteri berkata, siasatan terhadap penjawat awam yang didakwa melakukan kesalahan perlu dijalankan biarpun ia membabit mereka yang sudah bertahun-tahun berkhidmat dalam kerajaan.

"Orang yang berkorban puluan tahun dalam semua agensi, kalau kelemahan itu melanggar prinsipnya ataupun kesalahannya besar, itu (siasatan) ikut proses undang-undang.

"Kalau ada aduan yang berat,

bawa kepada prosesnya (siasatan). Sama seperti yang dibicarakan sekarang dalam kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Bloomberg dalam laporan sebelum ini mendakwa, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memiliki saham dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan berdasarkan pemfailan korporat.

Bagaimanapun, Azam pada sidang media baru-baru ini, menegaskan pegangan saham miliknya bernilai RM800,000 dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan dibuat secara telus dan mengikut prosedur.

Media sebelum ini melaporkan, Peguam Negara, Tan Sri Mohd

Dusuki Mokhtar, dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Siasatan isu pemilikan saham oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Jawatankuasa itu turut dianggotai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Johan.

Shamsul Azri pula dilaporkan berkata, jawatankuasa itu akan melaksanakan siasatan terperinci bagi memberikan pengadilannya kepada pihak disiasat.

Perdana Menteri pada Jumaat lalu, berkata tiada keperluan segera untuk merehatkan Azam sebaliknya menyerahkan kepada jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk melakukan siasatan terlebih dahulu.